

AP francais jenama baru dibekuk

Kementerian Kewangan keluarkan garis panduan baru struktur cukai kenderaan

Perubahan struktur cukai bagi kenderaan bermotor

- 'Tax on Tax'**
Kaedah pengiraan duti eksais kenderaan CBU ditukar berdasarkan 'tax on tax'. Sebelum ini, duti eksais dikira berdasarkan nilai CIF kenderaan CBU. Di bawah kaedah 'tax on tax', duti eksais akan dikira berdasarkan nilai CIF termasuk duti import.
- Duti Import kenderaan penumpang**

Duti import CBU Asean	↓ 20% kepada 15%	Duti import CBU bukan Asean	↓ 50% kepada 30%	Duti import CKD Asean	0%	Duti import CKD bukan Asean	10%
-----------------------	------------------	-----------------------------	------------------	-----------------------	----	-----------------------------	-----
- Duti Eksais kenderaan penumpang**
Duti eksais bagi kenderaan CKD dan CBU dari Asean dan bukan Asean dikurangkan:

Kereta penumpang	↓ 90 - 250% kepada 80 - 200%	4WD	↓ 60 - 170% kepada 55 - 160%	Motosikal	↓ 20 - 60% kepada 20 - 50%
------------------	------------------------------	-----	------------------------------	-----------	----------------------------

Duti eksais bagi CKD dan CBU bagi MPV/van dari Asean dan bukan Asean ditukar daripada 40% - 170% kepada 55% - 160%
- Kereta Diesel**
Klasifikasi dan struktur cukai bagi kereta diesel (baru) diseragamkan dengan kereta petrol. Umumnya, perubahan struktur cukai akan mengurangkan duti kenderaan penumpang, tetapi duti MPV/van dan 4WD meningkat. Struktur cukai baru ini akan berkuat kuasa mulai hari ini dengan kelonggaran diberi kepada kenderaan dalam transit.

Rangka Dasar Automotif Nasional

- Permit Import (AP) akan dilupuskan dalam jangka panjang.
- Syarikat senaraian awam kawalan Bumiputera boleh memohon AP secara terus.
- Pemegang francais eksklusif seperti DRB-Hicom dan Sime Darby, yang juga pemegang francais jualan eksklusif untuk jenama kenderaan tertentu, boleh mengimport kenderaan secara langsung tanpa menggunakan perantara.
- Lima kawasan iaitu Gurun (Kedah), Bertam dan Seberang Prai (Pulau Pinang), Pekan (Pahang), Tanjung Malim (Perak), Shah Alam dan Rawang (Selangor), ditetapkan sebagai pusat pengeluaran automotif.
- Kerajaan akan menghentikan pengeluaran AP francais bagi import kereta yang telah menjalani penalaan ('tuned up') mulai 1 Januari 2006.
- Pemegang AP francais bagi kenderaan 'tuned-up' tidak lagi dibenarkan meneruskan perniagaan selepas 1 Januari 2006.
- Pemegang AP terbuka boleh mengimport kenderaan 'tuned-up' dengan menggunakan kuota AP terbuka, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan.
- Kerajaan menghadkan import kenderaan terpakai melalui AP terbuka kepada kenderaan berusia satu hingga lima tahun.
- Kenderaan terpakai yang berusia kurang daripada satu tahun tidak boleh diimport.
- Dasar Automotif Nasional akan diumumkan dalam tempoh satu hingga tiga bulan lagi, tertakluk kepada kajian yang sedang dijalankan

Oleh Saidon Idris

PUTRAJAYA: Kerajaan membenarkan pengeluaran permit import (AP) francais bagi kenderaan jenama baru dan menghentikan pemberian AP untuk semua jenis kenderaan talaan khas (tuned up), berkuat kuasa serta-merta.

Perkara itu diumumkan dalam Rangka Dasar Automotif Nasional yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, di sini semalam.

Serentak itu, kerajaan membenarkan syarikat senaraian awam yang dikuasai Bumiputera, memohon AP secara langsung, manakala import kenderaan terpakai melalui AP terbuka dihadkan kepada hanya yang berusia antara satu hingga lima tahun.

Sejajar pengumuman rangka dasar itu, Kementerian Kewangan turut mengeluarkan garis panduan baru

struktur cukai kenderaan bermotor, berkuat kuasa hari ini.

Umumnya, struktur baru itu menyaksikan pengurangan duti terhadap kereta penumpang, manakala duti bagi kenderaan pelbagai guna (MPV) dan van, dinaikkan.

Kementerian Kewangan berkata, duti import kereta penumpang siap

Duti eksais bagi kereta penumpang turun kepada antara 80 peratus hingga 200 peratus berbanding 90 peratus hingga 250 peratus sebelum ini

bina (CBU) dari negara Asean dikurangkan daripada 20 peratus kepada 15 peratus manakala duti import kereta penumpang CBU dari negara bukan Asean, diturunkan daripada 50 peratus kepada 30 peratus.

Bagaimanapun, pengecualian duti import bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) Asean dan kadar duti 10 peratus yang dikenakan terhadap kereta penumpang CKD dari negara bukan Asean, dikekalkan.

Perubahan terhadap struktur cukai itu turut menyaksikan pengurangan duti eksais bagi kenderaan CKD dan CBU dari Asean dan bukan Asean dengan kadarnya tertakluk kepada kapasiti enjin.

Duti eksais bagi kereta penumpang turun kepada antara 80 peratus hingga 200 peratus, berbanding 90 peratus hingga 250 peratus sebelum ini, manakala bagi pacuan empat roda, ia dikurangkan kepada antara 55 pe-

ratus hingga 160 peratus, daripada 60 peratus hingga 170 peratus.

Sementara itu, duti eksais bagi motosikal dikurangkan kepada antara 20 peratus hingga 50 peratus, berbanding antara 20 peratus hingga 60 peratus sebelum ini.

Bagaimanapun, duti eksais bagi MPV dan van CKD serta CBU dinaikkan kepada antara 55 peratus hingga 160 peratus daripada antara 40 peratus hingga 170 peratus.

Kementerian Kewangan turut mengumumkan kaedah pengiraan duti eksais kenderaan CBU ditukar kepada berasaskan 'cukai atas cukai' berbanding berdasarkan nilai kos-insurans-pengangkutan (GIF).

Ini bermakna, di bawah kaedah pengiraan baru, duti eksais dikira berdasarkan nilai CIF termasuk duti import.

Lima objektif Dasar Automotif Nasional

- 1 Menggalak sektor automotif yang kompetitif dan berdaya maju, terutama pengeluar kereta nasional;
- 2 Menjadi hab serantau bagi pembuatan, pemasangan dan pengedaran automotif;
- 3 Meningkatkan nilai ditambah dan keupayaan tempatan industri automotif;
- 4 Menggalakkan pengeluar dan vendor komponen Malaysia yang berorientasikan eksport; dan
- 5 Menggalakkan penyertaan Bumiputera yang kompetitif dalam sektor pembuatan, pengedaran dan pengimport kenderaan dalam pembuatan komponen.